

2

TINJAUAN EKONOMI GLOBAL

- Perspektif Keseluruhan
- Ekonomi Global

Rencana 2.1 – Piawaian Percukaian Antarabangsa:
Di Manakah Kita?

Sisipan 2.1 – Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN
2025: Isu, Cabaran dan Peluang

- Kesimpulan



2 | TINJAUAN EKONOMI GLOBAL

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal menggalakkan 3.7% pada 2018 dan 2019. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh ekonomi yang stabil di AS dan kebanyakan negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Pertumbuhan negara maju dijangka berkembang 2.4% pada 2018 dan 2.1% pada 2019 manakala pertumbuhan EMDE dijangka kekal pada 4.7% pada 2018 dan 2019.

Dalam kalangan negara maju, KDNK AS dijangka mencatat pertumbuhan yang didorong oleh rangsangan fiskal pada 2018, manakala pada 2019, pertumbuhan dijangka merekodkan pengurangan secara marginal terutamanya disebabkan oleh dasar perlindungan perdagangan yang baru diperkenalkan. Pertumbuhan di kawasan euro dijangka perlahan disebabkan oleh permintaan domestik dan eksport yang lebih rendah. Jepun juga dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan berikutan penggunaan swasta dan pelaburan yang lemah. Pertumbuhan KDNK UK dijangka perlahan disebabkan oleh keyakinan perniagaan yang rendah berikutan ketidakpastian yang wujud dalam persekitaran Brexit yang masih dirundingkan.

Pertumbuhan EMDE dijangka tidak sekata disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kenaikan harga minyak, kadar faedah lebih tinggi di AS, pengukuhan USD, ketegangan perdagangan berterusan dan konflik geopolitik. Pertumbuhan ekonomi China dijangka sederhana akibat peraturan sektor kewangan lebih ketat serta eksport yang lemah. Walau bagaimanapun, ekonomi India dijangka meningkat dipacu oleh permintaan domestik, memandangkan kesan negatif dari inisiatif pertukaran mata wang dan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai pudar. KDNK ASEAN dijangka kukuh disokong oleh permintaan domestik dan eksport.

Inflasi negara maju dijangka meningkat kepada 2% pada 2018 dan 1.9% pada 2019 berikutan harga tenaga dan makanan lebih tinggi. Inflasi EMDE juga dijangka merekodkan 5% pada 2018 dan 5.2% pada 2019 disebabkan oleh harga tenaga lebih tinggi. Perdagangan dunia dijangka menurun secara marginal daripada 4.2% pada 2018 kepada 4% pada 2019 terutamanya disebabkan oleh ketegangan perdagangan semakin memuncak antara AS dan rakan dagangan utama yang boleh menjejaskan sentimen perniagaan dan pasaran kewangan. Permintaan yang lebih perlahan bagi automobil dan bahan mentah pertanian juga boleh menjejaskan perdagangan global. Sementara itu, aliran FDI dijangka meningkat 5% kepada USD1.5 trilion pada 2018 mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur dalam persekitaran ekonomi global yang terus berkembang.

Risiko ke bawah dijangka meningkat walaupun pertumbuhan ekonomi diunjur berkembang. Jangkaan peningkatan tarif oleh AS berkemungkinan menyebabkan tindak balas oleh rakan dagangan AS. Selain itu, syarat kewangan lebih ketat oleh beberapa negara maju boleh menyebabkan turun naik dalam kadar pertukaran mata wang dan pengurangan aliran masuk modal ke negara membangun. Risiko ke bawah lain termasuk ketegangan geopolitik, persengketaan domestik serta kos ekonomi dan kemanusiaan yang berkaitan dengan cuaca dan bencana alam.

Ekonomi Global

Ekonomi AS mencatat prestasi cemerlang dengan pertumbuhan 2.7% pada separuh pertama 2018 dipacu oleh pelaburan, terutamanya dalam segmen bukan kediaman serta eksport lebih kukuh. Kadar pengangguran bertambah baik kepada 4% berikutan penambahan pekerjaan dalam sektor perkilangan dan penjagaan kesihatan, manakala inflasi direkod pada 2.5% disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan tenaga.

Pada 2018, KDNK AS dijangka berkembang pada kadar lebih tinggi 2.9% terutamanya disumbangkan oleh permintaan domestik yang kukuh. Penggunaan swasta dijangka kekal 2.8% disokong oleh pasaran pekerjaan yang kukuh, pemotongan cukai individu serta jangkakan kenaikan kadar faedah pada 2019. Sementara itu, pelaburan dijangka meningkat 5.7% disokong oleh cukai korporat lebih rendah serta sentimen pasaran yang memberangsangkan. Selain itu, perbelanjaan kerajaan dijangka meningkat 36% berikutan rangsangan fiskal diperkenalkan pada awal 2018. Eksport dijangka mencatat pertumbuhan kukuh 5.2% mencerminkan permintaan lebih tinggi bagi bekalan dan bahan industri. Dari sudut penawaran, sektor perkilangan dijangka berkembang pesat terutamanya dalam pengeluaran produk logam fabrikasi, peralatan pengangkutan serta produk plastik dan getah. Kadar pengangguran dijangka lebih rendah pada 3.8% lanjutan pertumbuhan pekerjaan dalam industri pengangkutan, utiliti, rekreasi dan perhotelan. Inflasi dijangka mencatat 2.4% susulan harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi. Memandangkan prestasi ekonomi diunjur kukuh untuk tahun ini, Rizab Persekutuan AS (Fed) dijangka menaikkan kadar dana persekutuan pada Disember 2018 berikutan kenaikan terkini pada September antara 2.00% dan 2.25%.

Pada 2019, ekonomi AS diunjur berkembang sederhana pada 2.5% (2018: 2.9%). Permintaan domestik akan terus menyokong pertumbuhan dalam persekitaran ketidaktentuan dasar yang semakin memuncak dan kelemahan jangka sederhana termasuk eksport yang semakin berkurangan serta hutang kerajaan yang semakin meningkat. Perbelanjaan modal dijangka berkembang 6% (2018: 5.7%) terutamanya disumbang oleh pelaburan tetap swasta yang meningkat 6.9% (2018: 6.3%). Walau bagaimanapun, penggunaan swasta dijangka perlahan pada 2.5% (2018: 2.8%) disebabkan oleh kenaikan kadar dana persekutuan secara beransur-ansur. Eksport juga dijangka berkurangan 2.7% (2018: 5.2%) terutamanya disebabkan oleh kesan daripada dasar perlindungan yang akan meningkatkan kos bahan dan mengurangkan daya saing eksport AS. Sementara itu, hutang bersih kerajaan persekutuan dijangka meningkat

kepada 82.8% daripada KDNK (2018: 81.4%) berikutan pelaksanaan rangsangan fiskal pada awal 2018, menunjukkan terdapat potensi risiko fiskal kepada ekonomi. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 3.5% (2018: 3.8%) lanjutan pertumbuhan pekerjaan berpendapatan rendah dalam industri perkhidmatan runcit dan makanan manakala inflasi dijangka mencatat 2.1% (2018: 2.4%). Fed dijangka meningkatkan kadar dana persekutuan sebanyak tiga kali pada 2019 untuk mencapai sasaran inflasi 2% dan guna tenaga penuh dalam tempoh jangka sederhana.

Prospek jangka sederhana ekonomi AS akan dibebani oleh risiko ke bawah. Dasar fiskal prokitaran boleh meningkatkan inflasi dan mencetus kenaikan kadar faedah lebih cepat daripada jangkakan. Peningkatan kadar faedah tersebut boleh menyebabkan pergerakan aliran modal yang besar ke AS. Pergerakan ini akan mengakibatkan volatiliti dalam pasaran kewangan AS dan dunia. Rangsangan fiskal juga boleh menyebabkan pengukuhan dolar yang mengakibatkan peningkatan defisit perdagangan.

Jadual 2.1. KDNK Benar bagi Negara Terpilih 2017 – 2019

	Perubahan (%)		
	2017	2018 ¹	2019 ²
Output Dunia	3.7	3.7	3.7
Negara maju	2.3	2.4	2.1
Amerika Syarikat	2.2	2.9	2.5
Kawasan euro	2.4	2.0	1.9
Jepun	1.7	1.1	0.9
Republik Korea	3.1	2.8	2.6
Negara yang berkembang pesat dan negara membangun	4.7	4.7	4.7
China	6.9	6.6	6.2
India	6.7	7.3	7.4
ASEAN			
Singapura	3.6	2.5 - 3.5	2.7
Thailand	3.9	4.4	4.2
Indonesia	5.1	5.1 - 5.5	5.4 - 5.8
Filipina	6.7	6.7	6.8
Malaysia	5.9	4.8	4.9
Jumlah Perdagangan Dunia	5.2	4.2	4.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

Jadual 2.2. Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2017 – 2019

	Perubahan (%)		
	2017	2018 ¹	2019 ²
Dunia	3.2	3.8	3.8
Negara maju	1.7	2.0	1.9
Amerika Syarikat	2.1	2.4	2.1
Kawasan euro	1.5	1.7	1.7
Jepun	0.5	1.2	1.3
Republik Korea	1.9	1.7	1.8
Negara yang berkembang pesat dan negara membangun	4.3	5.0	5.2
China	1.6	2.2	2.4
India	3.6	4.7	4.9
ASEAN			
Singapura	0.6	1.0	1.3
Thailand	0.7	1.1	1.2
Indonesia	3.8	3.5	2.5 - 4.5
Filipina	2.9	4.9	3.7
Malaysia	3.7	1.5 - 2.5	2.5 - 3.5

¹ Anggaran.² Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

Ekonomi UK mencatat pertumbuhan lebih rendah 1.2% pada separuh pertama 2018 disebabkan oleh kelembapan dalam sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan berkembang lebih perlahan 1.4%, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam subsektor pengedaran, hotel dan restoran. Sementara itu, kadar pengangguran bertambah baik kepada 4.1%, manakala inflasi meningkat sedikit kepada 2.6% berikutan kenaikan harga bahan api motor.

Pada 2018, ekonomi UK diunjur berkembang sederhana pada 1.4% berikutan ketidakpastian sepanjang tempoh rundingan Brexit dengan EU yang boleh menjejaskan pelaburan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sederhana ini dijangka akan diimbangi oleh rancangan kerajaan untuk meningkatkan pelaburan melalui pembinaan perumahan awam kepada 300,000 unit setahun menjelang 2020. Kadar pengangguran dijangka mencatat 4.1% berikutan pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Inflasi dijangka lebih rendah pada 2.5% hasil daripada dasar monetari yang lebih ketat oleh Bank of England (BoE). Pada Ogos 2018, BoE telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 0.75%, iaitu kenaikan pertama sejak

November 2017 dan kadar ini dijangka dikaji semula pada November 2018. Pertumbuhan penggunaan swasta pula dijangka lemah disebabkan oleh keyakinan pengguna yang rendah walaupun kadar inflasi semakin berkurangan.

Pertumbuhan ekonomi UK dijangka meningkat 1.5% pada 2019 (2018: 1.4%) disokong oleh pelaburan awam yang dirancang bagi meningkatkan perumahan dan infrastruktur awam sehingga 2020. Selain itu, perbelanjaan pengguna dijangka beransur pulih disebabkan oleh kadar inflasi yang semakin berkurangan. Inflasi dijangka mencatat 2.2% (2018: 2.5%) berikutan jangkaan BoE menaikkan kadar faedah sekurang-kurangnya sekali pada 2019 untuk mencapai sasaran inflasi 2%. Sementara itu, kadar pengangguran dijangka meningkat sedikit pada 4.2% (2018: 4.1%).

Pengunduran UK daripada EU yang dijadualkan pada 29 Mac 2019 mewujudkan risiko kepada ekonomi UK terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian hasil rundingan Brexit. Susulan daripada itu, perdagangan UK dengan negara anggota EU yang merangkumi 44% daripada jumlah keseluruhan eksport UK dijangka lebih rendah.

Pertumbuhan di kawasan euro kekal 2.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2018 disokong oleh pengeluaran perindustrian, aktiviti pembinaan dan dasar monetari yang akomodatif. Pasaran buruh terus bertambah baik dengan kadar pengangguran direkod pada 8.4% disokong oleh pertumbuhan upah dan pewujudan pekerjaan yang berterusan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, inflasi direkod pada 1.5%.

Ekonomi kawasan euro dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan 2% pada 2018 disokong oleh permintaan domestik dan dasar monetari yang akomodatif. Kadar pengangguran dijangka mencatat 8.3% berikutan pewujudan pekerjaan yang berterusan. Sementara itu, kadar inflasi dijangka meningkat 1.7% berikutan harga tenaga yang lebih tinggi. European Central Bank (ECB) akan mengurangkan pembelian aset bulanan daripada EUR30 bilion kepada EUR15 bilion bagi suku tahun terakhir 2018. ECB merancang untuk menamatkan program ini pada 31 Disember 2018.

Pada 2019, ekonomi kawasan euro dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan 1.9% (2018: 2%) disebabkan oleh pelaburan yang lemah dan permintaan luar yang semakin berkurangan. Ekonomi juga menghadapi peningkatan beberapa risiko ke bawah seperti ketegangan perdagangan global yang semakin memuncak, kejutan politik di beberapa negara anggota dan ketidakpastian yang disebabkan oleh rundingan Brexit terutamanya berkaitan dengan perdagangan antara EU dan UK. Kadar pengangguran dijangka terus bertambah baik pada 8% (2018: 8.3%) berikutan pewujudan pekerjaan yang lebih banyak. Sementara itu, inflasi dijangka kekal pada 1.7% (2018: 1.7%). ECB dijangka mengekalkan kadar faedah atas operasi pembiayaan semula utama pada kadar 0%, kemudahan pinjaman marginal 0.25% dan kemudahan deposit -0.40%, sekurang-kurangnya sehingga Ogos 2019.

Jerman yang merupakan ekonomi terbesar di kawasan euro berkembang pada kadar lebih perlahan 1.9% terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan kerajaan dan eksport yang lebih rendah. Perbelanjaan kerajaan berkembang sederhana 0.9% disebabkan oleh kerajaan gabungan baharu hanya dibentuk pada Mac 2018 iaitu enam bulan selepas pilihan raya persekutuan. Eksport lebih rendah pada 3.9% berikutan permintaan yang berkurangan terutamanya dari AS dan China. Pasaran buruh terus bertambah baik dengan kadar pengangguran pada 3.6% dipacu oleh pertumbuhan pekerjaan dalam sektor industri dan sektor pembinaan. Inflasi kekal pada 1.8% berikutan harga perkhidmatan dan tenaga yang lebih tinggi mengimbangi harga makanan yang lebih rendah.

Pada 2018, pertumbuhan KDNK Jerman diunjur lebih rendah pada 1.9% disebabkan oleh eksport yang lemah dalam persekitaran dasar perlindungan yang semakin meningkat oleh AS. Eksport dijangka lebih rendah berikutan rancangan AS untuk mengenakan tarif lebih tinggi ke atas import kereta dan komponen automotif. Sentimen perniagaan berkemungkinan menjadi lembap dan mengakibatkan pengeluaran lebih rendah dalam sektor perkilangan. Selain itu, perubahan dasar perindustrian China baru-baru ini berikutan inisiatif Made in China 2025 boleh menjejaskan sektor automotif di Jerman dan seterusnya menggugat prospek pertumbuhan

di negara tersebut. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua 2018 dijangka menyokong pertumbuhan ekonomi Jerman berikutan kelulusan dana infrastruktur digital berjumlah EUR2.4 bilion. Dana ini merupakan sebahagian daripada strategi digital kerajaan bertujuan meningkatkan ketersambungan internet khususnya di sekolah dan kawasan luar bandar. Kadar pengangguran dijangka terus berkurang kepada 3.5% manakala kadar inflasi dijangka kekal stabil pada 1.8%.

Pada 2019, pertumbuhan ekonomi Jerman dijangka kekal pada 1.9% (2018: 1.9%) disokong oleh permintaan domestik yang lebih baik. Penggunaan swasta dijangka berkembang berikutan upah yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor awam. Pada April 2018, kesatuan sekerja Jerman dan majikan sektor awam telah bersetuju untuk menaikkan upah pekerja sebanyak 7.5% untuk 2.3 juta pekerja dalam tempoh dua tahun akan datang. Selain itu, kerajaan dijangka meningkatkan perbelanjaan secara ketara untuk keselamatan sosial dan pertahanan. Kerajaan turut komited untuk melabur antara EUR10 bilion dan EUR12 bilion bagi memperluas rangkaian jalur lebar untuk menjadikan Jerman sebagai pasaran utama aplikasi 5G menjelang 2025. Pasaran buruh dijangka terus bertambah baik dengan kadar pengangguran pada 3.4% (2018: 3.5%). Sementara itu, kadar inflasi dijangka kekal stabil pada 1.8% (2018: 1.8%).

Ekonomi Perancis mencatat pertumbuhan kukuh 2% pada enam bulan pertama 2018, sebahagian besarnya disokong oleh permintaan domestik yang lebih baik. Penggunaan isi rumah bagi barangan meningkat 0.9% berikutan cukai pendapatan yang lebih rendah dan pewujudan pekerjaan yang lebih banyak. Margin dan keuntungan korporat yang berdaya tahan juga mendorong pelaburan yang lebih tinggi 3.2%. Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan kadar pengangguran pada 9.2%. Sementara itu, inflasi meningkat kepada 1.8% berikutan harga tenaga yang lebih tinggi serta kenaikan cukai secara beransur-ansur bagi produk tembakau.

Pada 2018, ekonomi Perancis diunjur berkembang sederhana 1.6% disebabkan oleh penggunaan swasta dan eksport yang lebih perlahan.

Rencana 2.1

Piawaian Percukaian Antarabangsa: Di Manakah Kita?


Pengenalan

Seiring dengan perkembangan aktiviti perniagaan yang bersifat global dan transaksi rentas sempadan yang lebih meluas, maka penting supaya hak untuk mencukai diberikan kepada *jurisdictions* di mana aktiviti ekonomi substantif dijalankan. Hak mencukai ini akan menutup ruang pemindahan keuntungan secara *artificial* kepada *jurisdictions* yang mengenakan kadar cukai yang rendah atau tidak mengenakan cukai. Oleh itu, *jurisdictions* digalakkan menerima pakai dan mematuhi piawaian percukaian antarabangsa yang diperkenalkan oleh pertubuhan antarabangsa seperti *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dan *United Nations* (UN). Piawaian tersebut juga diguna pakai dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)¹. Komitmen seumpama ini diperlukan bagi mewujudkan sistem percukaian rentas sempadan yang berkesan dan mengukuhkan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa cukai terutamanya aspek dari pemantauan dan pematuhan.

Komitmen Malaysia

Sehingga September 2018, Malaysia mempunyai 72 PPPDK² yang sedang berkuat kuasa, dua perjanjian terhad³ dengan AS dan Argentina serta Perjanjian Pertukaran Maklumat Cukai (TIEA) dengan Bermuda. Perjanjian tersebut telah termeterai antara Malaysia dengan rakan pejanji untuk mengekalkan hak mencukai Malaysia selaras dengan piawaian percukaian yang diterima pakai termasuk berkaitan pertukaran maklumat.

Rajah 2.1.1. Perjanjian Percukaian Dua Hala Malaysia⁴ dengan Rakan Dagangan Utama



¹ Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dirujuk sebagai satu perjanjian antara dua (atau lebih) negara untuk mengelakkan pengenaan cukai dua kali. PPPDK juga dikenali sebagai Konvensyen, Triti atau Perjanjian Cukai (Glosari OECD).

² Senarai Perjanjian PPPDK: Afrika Selatan (2005), Albania (1994), Arab Saudi (1993), Australia (1980), Austria (1989), Bahrain (1999), Bangladesh (1983), Belanda (1988), Belgium (1973), Bosnia dan Herzegovina (2007), Brunei Darussalam (2009), Chile (2004), China (1985), Croatia (2002), Denmark (1970), Emiriah Arab Bersatu (1995), Fiji (1995), Filipina (1982), Finland (1984), Hong Kong (2012), Hungary (1989), India (2012), Indonesia (1991), Iran (1992), Ireland (1998), Itali (1984), Jepun (1999), Jerman (1977), Jordan (1994), Kanada (1976), Kazakhstan (2006), Kuwait (2003), Lao PDR (2010), Lubnan (2003), Luxembourg (2002), Malta (1995), Mauritius (1992), Mesir (1997), Mongolia (1995), Maghribi (2001), Myanmar (1998), Namibia (1998), New Zealand (1976), Norway (1970), Pakistan (1982), Papua New Guinea (1993), Perancis (1975), Poland (1977), Qatar (2008), Republik Czech (1996), Republik Korea (1982), Republik Kyrgyz (2000), Romania (1982), Rusia (USSR) (1987), San Marino (2009), Senegal (2010), Sepanyol (2006), Seychelles (2003), Singapura (2004), Sri Lanka (1997), Sudan (1993), Sweden (2002), Syria (2007), Thailand (1982), Turki (1994), Turkmenistan (2008), UK (1996), Uzbekistan (1997), Venezuela (2006), Viet Nam (1995) dan Zimbabwe (1994).

³ Perjanjian terhad ini merujuk kepada Perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat bagi Pengecualian Bersaling Berkenaan dengan Cukai ke atas Pendapatan Perusahaan Pengangkutan Kapal dan Udara Kedua-dua Negara; dan Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Argentina bagi Pengecualian Bersaling Berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan daripada Pengendalian Kapal dan Pesawat Udara dalam Laluan Antarabangsa.

Pada 2013, negara OECD dan ahli G20 secara bersama telah membangunkan Pelan Tindakan Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan (BEPS) untuk menutup ruang dalam perundangan percukaian antarabangsa yang membenarkan pemindahan keuntungan secara *artificial* oleh perusahaan multinasional (MNE) kepada *jurisdictions* yang mengenakan kadar cukai rendah atau tidak mengenakan cukai. Pelan Tindakan BEPS bertujuan mewujudkan set perundangan percukaian antarabangsa yang dipersetujui secara konsensus bagi menangani isu penghakisan asas dan pemindahan keuntungan. Set perundangan ini bertujuan untuk melindungi asas percukaian *jurisdictions* serta meningkatkan kepastian dan kebolehjangkaan pembayar cukai. Usaha ini melangkaui jaminan kutipan hasil dengan penjajaran semula percukaian melalui aktiviti ekonomi dan penciptaan nilai.

Berdasarkan perkembangan terkini dalam piawaian percukaian antarabangsa, Malaysia komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan BEPS, mengamalkan ketelusan dan pertukaran maklumat (EOI) bagi tujuan percukaian. Malaysia terlibat secara aktif dalam pelbagai platform mengenai kerjasama percukaian dan perangkaan dasar. Penglibatan ini termasuk menandatangani empat instrumen pelbagai hala yang diterajui oleh OECD iaitu Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa mengenai Piawaian Pelaporan Bersama (MCAA CRS); Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa bagi Laporan Mengikut Negara (MCAA CbC); Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai (CMAA); dan Instrumen Rangka Kerja Pelbagai Hala untuk Meminda Perjanjian Bilateral Percukaian.

Isu dan Cabaran

Malaysia secara rasmi menjadi Ahli Bersekutu BEPS OECD melalui penglibatan dalam Rangka Kerja Inklusif BEPS pada awal 2017. Penglibatan ini meletakkan Malaysia setara dengan negara OECD dan ahli G20 serta menyediakan platform untuk terlibat secara langsung dalam penggubalan piawaian percukaian antarabangsa bagi menangani penghakisan asas dan pemindahan keuntungan. Sebagai Ahli Bersekutu, Malaysia perlu melaksanakan dengan segera empat Piawaian Minimum di bawah Pelan Tindakan BEPS dan pada masa yang sama meneruskan kajian terhadap sebahagian Pelan Tindakan tersebut berdasarkan undang-undang domestik.

Rajah 2.1.2. Penglibatan Malaysia dalam Pelan Tindakan BEPS

PIAWAIAN MINIMUM	MEMPERKUKUH PIAWAIAN ANTARABANGSA	PENDEKATAN AM DAN AMALAN TERBAIK	LAPORAN ANALITIKAL
Tindakan 5 Menangani amalan percukaian yang memudaratkan	Tindakan 7 Mencegah pengelakan status <i>Permanent Establishment</i> secara <i>artificial</i>	Tindakan 2 Meneutralkan kesan ketidaksepadanan <i>hybrid arrangement</i>	Tindakan 1 Ekonomi digital
Tindakan 6 Mencegah penyalahgunaan perjanjian	Tindakan 8 – 10 Menyelaras <i>outcome</i> pindahan harga dan penciptaan nilai: Tidak ketara; Risiko dan modal; dan Transaksi lain yang berisiko tinggi	Tindakan 4 Mengehadkan tolakan faedah	Tindakan 11 Analisis data
Tindakan 13 Menyemak semula dokumentasi berkaitan pemindahan harga		Tindakan 3 Memperkuh Peraturan <i>Controlled Foreign Corporation</i> (CFC)	Tindakan 15 Membangunkan instrumen pelbagai hala
Tindakan 14 Penyelesaian pertikaian		Tindakan 12 Peraturan pendedahan mandatori	

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.
Nota: Penglibatan Malaysia sehingga September 2018.

Menyedari kepentingan ketelusan dan EOI berkaitan percukaian, Malaysia bersetuju untuk melaksanakan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) dengan menandatangani MCAA CRS⁵ dan MCAA CbC⁶ pada awal 2016. Langkah ini sebagai pematuhan Malaysia sepenuhnya kepada amalan terbaik EOI. Dalam konteks ini, pertukaran maklumat telah bermula pada September 2018.

Pelaksanaan AEOI akan membantu pihak berkuasa cukai menambah baik kecekapan penguatkuasaan untuk meningkatkan pematuhan cukai. Amalan AEOI ini akan dilakukan secara tahunan dengan menggunakan format dan prosedur standard melalui platform elektronik yang selamat iaitu Sistem Transmisi Bersama (*Common Transmission System*) yang dibangunkan oleh OECD. Inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada amalan pertukaran maklumat sedia ada antara dua pihak berkuasa cukai menerusi Pertukaran Maklumat Secara Permohonan (EOIR) sama ada di bawah PPPDK atau TIEA. Keberkesanan EOIR bergantung kepada maklum balas rakan pejanji.

Sebagai negara membangun, pelaksanaan Pelan Tindakan BEPS dengan piawaian yang lebih tinggi dari aspek ketelusan dan sistem pertukaran maklumat memberikan cabaran signifikan kepada pihak berkuasa cukai dan MNE di Malaysia. Sebarang ketidakpatuhan dalam pelaksanaan dan pematuhan Pelan Tindakan BEPS boleh menyebabkan Malaysia terdedah kepada tindakan unilateral termasuk sekatan perdagangan oleh pertubuhan antarabangsa dan rakan dagangan. Oleh itu, Malaysia akan terus mengambil langkah proaktif dengan mengkaji semula perundangan dan dasar domestik berkaitan bagi memastikan keselarasan tindakan dalam sebarang urusan transaksi rentas sempadan. Langkah yang telah dilaksanakan termasuk konsultasi dan perbincangan berterusan dengan komuniti perniagaan dan pertubuhan antarabangsa. Sehubungan itu, MNE perlu meningkatkan pengetahuan mengenai perkembangan percukaian terkini di setiap *jurisdictions* berkaitan bagi memastikan kemampanan perniagaan di samping mematuhi piawaian percukaian antarabangsa yang telah dipersetujui.

Kesimpulan

Perubahan ketara yang terhasil daripada inisiatif pertubuhan antarabangsa seperti OECD dan UN menyediakan peluang terutamanya kepada negara membangun untuk mengkaji semula dan menambah baik sistem percukaian. Hasil daripada inisiatif ini, *jurisdictions* kini secara aktif membangun dan melaksanakan peraturan baharu dalam aspek kritikal percukaian antarabangsa untuk menangani masalah pelarian dan pengelakan cukai, meningkatkan ketelusan dan mempromosikan EOI yang berkesan berkaitan percukaian. Sebagai Ahli Bersekutu BEPS dan ahli forum EOI, Malaysia akan terus mengkaji semula dasar percukaian antarabangsa negara bagi menyokong pembangunan ekonomi yang mampan. Malaysia juga akan terus menyediakan persekitaran kompetitif kepada komuniti perniagaan terutamanya untuk menarik FDI serta memainkan peranan aktif dalam mempromosi kerjasama percukaian antarabangsa bagi mengekang aktiviti pengelakan cukai rentas sempadan.

⁵ MCAA CRS memerlukan Pihak Berkuasa Kompeten mendapatkan maklumat daripada institusi kewangan dan melakukan pertukaran maklumat secara automatik dengan *jurisdictions* lain secara tahunan. Obligasi ini menetapkan maklumat akaun kewangan yang perlu ditukar, institusi kewangan yang perlu membuat pelaporan, pelbagai jenis akaun dan pembayar cukai yang diliputi serta prosedur usaha wajar yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan.

⁶ MCAA CbC memerlukan Pihak Berkuasa Kompeten untuk menukar secara automatik Laporan CbC yang disediakan oleh Entiti Pelapor daripada Kumpulan MNE dan memfailkan secara tahunan kepada pihak berkuasa cukai entiti berkenaan menjadi residen percukaian. Pertukaran laporan ini akan dibuat dengan semua pihak berkuasa cukai di tempat Kumpulan MNE tersebut beroperasi.

Jangkaan mogok berterusan membantah pembaharuan perburuhan akan mengurangkan perbelanjaan. Aktiviti perniagaan juga dijangka perlahan disebabkan oleh kejatuhan eksport berikutan penganan tarif ke atas keluli dan aluminium oleh AS. Krisis institusi yang masih berlaku di kawasan euro boleh melemahkan keyakinan pelabur dan menjejaskan keseluruhan pertumbuhan ekonomi Perancis untuk tahun ini. Sementara itu, kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 8.8% berikutan pertambahan pekerjaan terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Inflasi dijangka meningkat kepada 1.9% berikutan kenaikan harga tenaga dan makanan serta kadar kenaikan gaji yang lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi pada 2019 dijangka kekal sederhana 1.6% (2018: 1.6%) disebabkan oleh perbelanjaan awam dan penggunaan swasta yang lebih rendah. Defisit yang tinggi akan menjadi penghalang utama pertumbuhan ekonomi berikutan komitmen kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan dan hutang awam. Komitmen ini bertujuan mengelakkan berulangnya prosedur defisit berlebihan yang dikenakan oleh EU. Selain itu, pengguna dijangka meningkatkan simpanan berikutan normalisasi dasar monetari oleh ECB yang menyebabkan perbelanjaan lebih rendah. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 8.5% (2018: 8.8%) disumbang oleh pertambahan pekerjaan berikutan pelaksanaan baki rancangan di bawah pembaharuan pasaran buruh. Inflasi dijangka mencatat 1.8% (2018: 1.9%) disebabkan oleh kenaikan harga minyak.

Kesan tarif yang dikenakan oleh AS, terutamanya bagi keluli dan aluminium, akan terus menjejaskan eksport Perancis. Selain itu, jangkaan AS untuk mengenakan lebih banyak tarif termasuk import kereta dan lori, akan terus melemahkan eksport Perancis. Normalisasi kadar faedah yang lebih cepat daripada jangkaan juga boleh memberi kesan ke atas penyata imbalan awam dan swasta seterusnya menyebabkan pelaburan dan prospek pertumbuhan lebih rendah. Defisit fiskal dijangka kekal menghampiri paras 3% daripada KDNK manakala hutang awam diunjur melebihi 90% dalam jangka sederhana, menunjukkan ruang fiskal yang terhad untuk bertindak balas terhadap kejutan di bawah prosedur defisit berlebihan yang dikenakan oleh EU.

KDNK Jepun berkembang pada kadar yang lebih perlahan 1% dalam tempoh separuh pertama 2018 disebabkan oleh penggunaan swasta dan pelaburan swasta yang lebih lemah. Penggunaan swasta berkurang dengan ketara 0.1%, sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca yang kurang baik dalam beberapa bulan pertama 2018. Pertumbuhan ekonomi yang lemah juga diburukkan lagi oleh prestasi kurang memberangsangkan dalam perbelanjaan pelaburan swasta yang menguncup 7.2% berikutan ketidakpastian dalam pasaran global dan berlaku deflasi pada masa hadapan. Inflasi meningkat kepada 1.1% disebabkan oleh harga tenaga yang lebih tinggi. Kadar pengangguran lebih rendah pada 2.5% berikutan peningkatan penyertaan wanita dan pesara dalam tenaga kerja.

Pertumbuhan KDNK diunjur 1.1% pada 2018 terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta dan pelaburan swasta yang lebih perlahan. Penggunaan swasta dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan 0.7% disebabkan oleh keyakinan pengguna yang semakin lemah terhadap pertumbuhan upah. Pelaburan modal tetap perniagaan swasta dijangka semakin lemah 2% khususnya dalam sektor pembuatan susulan tindakan pengilang mengurangkan perbelanjaan bagi mesin dan peralatan. Inflasi dijangka mencatat 1.2% disebabkan oleh harga bahan api yang lebih tinggi. Kadar pengangguran diunjur bertambah baik pada 2.5%.

Pada 2019, pertumbuhan KDNK Jepun diunjur berkembang sederhana 0.9% (2018: 1.1%) terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta yang lembap. Penggunaan swasta diunjur berkembang 0.3% (2018: 0.7%) dan dijangka semakin rendah susulan rancangan peningkatan cukai jualan pada Oktober 2019. Kerajaan Jepun merancang menggunakan hasil kenaikan cukai untuk mengurangkan hutang awam yang kini mencecah lebih dua kali saiz KDNK dan menyalurkan hasil tersebut untuk aktiviti pendidikan dan penjagaan kesihatan. Inflasi mencatat 1.3% (2018: 1.2%) iaitu lebih rendah daripada sasaran 2% yang ditetapkan oleh Bank of Japan. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 2.4% (2018: 2.5%) disokong oleh pewujudan pekerjaan separuh masa dan sementara bagi Piala Dunia Ragbi Jepun 2019 dan Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Risiko domestik kepada ekonomi termasuk tenaga kerja yang berkurangan akibat penuaan penduduk, defisit fiskal yang tinggi, tekanan deflasi yang berlanjutan dan sentimen korporat yang lemah.

Ekonomi Australia berkembang kukuh 3.3% pada separuh pertama 2018 terutamanya disumbangkan oleh permintaan luar yang lebih mantap. Eksport mencatat pertumbuhan kukuh 1.8% disumbangkan oleh pengeluaran bijih besi, arang batu dan gas asli cecair (LNG) yang lebih tinggi. Kadar pengangguran bertambah baik pada 5.5% berikutan pertumbuhan pewujudan pekerjaan separuh masa dalam industri runcit dan penginapan serta industri perkhidmatan makanan. Inflasi merekodkan 2.1% disebabkan oleh kenaikan harga alkohol dan tembakau.

KDNK Australia dijangka berkembang 3.2% pada 2018 terutamanya disokong oleh permintaan luar yang menggalakkan. Eksport diunjur meningkat 6.8% terutamanya disumbangkan oleh permintaan tinggi bagi arang batu, bijih besi dan LNG khususnya dari China, India dan Jepun. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 5.3% disokong oleh bantuan kerajaan melalui pengurangan cukai bagi PKS serta pemberian insentif bersasar untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan teknologi baharu. Inflasi dijangka mencatat 2.2% berikutan peningkatan berterusan harga alkohol dan tembakau yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan berjadual duti eksais tembakau sejak Disember 2013.

Pada 2019, KDNK Australia dijangka merekodkan pengurangan secara marginal 2.8% (2018: 3.2%) didorong oleh perbelanjaan swasta dan eksport. Penggunaan swasta dijangka meningkat 2.8% (2018: 2.4%) disumbangkan oleh pengurangan kadar cukai pendapatan individu. Eksport juga diunjur meningkat 7.4% (2018: 6.8%) berikutan permintaan yang lebih tinggi dari China terutamanya bagi bijih besi. Kadar pengangguran dijangka lebih rendah iaitu 5% (2018: 5.3%) berikutan pewujudan pekerjaan dalam sektor penjagaan kesihatan dan bantuan sosial, sektor pembinaan serta sektor perdagangan runcit. Inflasi dijangka mencatat 2.3% (2018: 2.2%) berikutan kenaikan harga utiliti.

Risiko ke bawah terhadap pertumbuhan ekonomi Australia terus wujud. Ketegangan perdagangan yang semakin memuncak antara AS dan China akan menjejaskan eksport bijih besi ke China. Kadar faedah juga dijangka meningkat kepada 1.75% pada suku ketiga 2019 berkemungkinan memberi kesan terhadap pendapatan boleh guna yang berpunca daripada komitmen bulanan pinjaman perumahan.

Pertumbuhan KDNK Republik Korea kekal 2.9% dalam tempoh separuh pertama 2018 dipacu penggunaan swasta dan eksport. Penggunaan swasta meningkat 3.2% sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi barangan tidak tahan lama. Eksport juga meningkat 3.4% terutamanya didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi produk kimia dan semikonduktor. Inflasi mencatat 1.4% disebabkan oleh harga produk ternakan yang lebih rendah manakala kadar pengangguran kekal 3.8%.

Ekonomi Korea diunjur mencatat pertumbuhan lebih perlahan 2.8% pada 2018 disebabkan oleh permintaan domestik dan eksport yang lemah. Penggunaan swasta dijangka lebih rendah akibat pasaran buruh yang tidak menggalakkan, susut nilai won dan paras hutang isi rumah yang tinggi. Kadar pertumbuhan pelaburan dijangka berkurang dengan ketara 1.1% khususnya bagi pelaburan fasiliti disebabkan oleh kesan asas daripada kenaikan mendadak dalam pembelian peralatan pembuatan semikonduktor pada tahun lepas. Inflasi diunjur pada 1.7% manakala kadar pengangguran pada 3.8%.

Pada 2019, pertumbuhan KDNK diunjur berkurang secara marginal 2.6% (2018: 2.8%) disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih lemah. Pelaburan terutamanya dalam pembinaan dijangka berkurang disebabkan oleh kejatuhan dalam pembinaan rumah kediaman berikutan usaha kerajaan untuk mengawal kenaikan harga harta tanah yang melampau. Inflasi dijangka mencatat 1.8% (2018: 1.7%) manakala kadar pengangguran kekal 3.8% (2018: 3.8%). Risiko terhadap ekonomi termasuk kelembapan pasaran buruh, peningkatan volatiliti pasaran kewangan dan kejatuhan harga aset. Sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan ialah dengan menaikkan upah minimum sebanyak 10.9%

pada 2019 dengan kenaikan keseluruhan 55% menjelang 2020 bagi mencapai pertumbuhan berasaskan pendapatan. Pelan Pengurusan Fiskal bagi 2017 – 2021 akan terus menjadi tumpuan kerajaan untuk tempoh lima tahun dengan memberi keutamaan perbelanjaan kepada kebajikan sosial berbanding aktiviti ekonomi bagi menggalakkan pertumbuhan inklusif.

Pertumbuhan KDNK China kekal stabil 6.8% dalam tempoh separuh pertama 2018 dipacu penggunaan swasta dan eksport walaupun pelaburan mencatat penurunan. Penggunaan swasta meningkat 6.7% disumbangkan oleh perbelanjaan dalam talian yang lebih tinggi. Eksport melonjak 12.8% terutamanya didorong oleh pembelian awal oleh pengilang AS sebelum jangkaan kenaikan tarif. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam aset tetap menyederhana 6% sebahagiannya disebabkan oleh penangguhan projek infrastruktur oleh syarikat milik kerajaan bagi mengurangkan hutang. Inflasi mencatat 2% disebabkan oleh kenaikan harga makanan, tembakau dan minuman beralkohol. Sementara itu, kadar pengangguran kekal stabil 3.9%.

Pertumbuhan ekonomi China dijangka menyederhana 6.6% pada 2018 disebabkan oleh permintaan luar yang semakin lemah. Eksport dijangka berkurang 6.6% akibat permintaan lebih rendah khususnya daripada AS berikutan penganan tarif ke atas eksport China dengan nilai melebihi USD250 bilion. Selain itu, langkah pengawalseliaan kerajaan yang lebih ketat akan memberi kesan kepada pertumbuhan. Inflasi dijangka meningkat kepada 2.2% disebabkan oleh harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Kadar pengangguran diunjur kekal 3.9%.

Pada 2019, pertumbuhan diunjur pada kadar lebih perlahan 6.2% (2018: 6.6%) terutamanya disebabkan oleh permintaan domestik yang berkurangan. Pelaburan dan penggunaan dijangka berkurang berikutan syarat kredit yang lebih ketat. Langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melonggarkan dasar monetari termasuk meneruskan usaha mengurangkan keberhutangan dalam sektor kewangan. Langkah ini sebahagiannya bertujuan menangani pembiayaan dan aktiviti kewangan tidak sah oleh institusi pembiayaan yang tidak dikawal selia oleh People's Bank of China. Kerajaan

China juga dijangka terus mengurangkan nisbah keperluan rizab bagi menggalakkan pembiayaan. Inflasi dijangka pada 2.4% (2018: 2.2%) manakala kadar pengangguran diunjur kekal 4% (2018: 4%).

Pada separuh pertama 2018, KDNK India berkembang 8% terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh sektor pembuatan serta pemulihan sektor pembinaan. Sektor pembuatan juga melonjak 11.2%, sebahagian besarnya disokong oleh pengeluaran produk komputer, elektronik dan optik yang lebih tinggi. Sektor pembinaan kembali meningkat 10%. Inflasi seperti yang ditunjukkan oleh indeks harga borong merekodkan 3.5% disebabkan oleh penurunan harga kekacang, diesel enjin berkelajuan tinggi serta telur, daging dan ikan. Pihak Reserve Bank of India menaikkan kadar dasar *repo* utama sebanyak dua kali iaitu pada Jun dan Ogos 2018 berjumlah 50 bps kepada 6.50% untuk mencapai sasaran inflasi jangka sederhana 4%.

Secara keseluruhan, KDNK India dijangka berkembang dengan lebih baik iaitu 7.3% pada 2018 dipacu pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih tinggi. Pelaburan dijangka berkembang pesat selaras dengan pertumbuhan projek infrastruktur yang berterusan. Penggunaan swasta dijangka meningkat disumbangkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi bagi barangan elektronik seperti telefon pintar dan televisyen. Selain itu, eksport dijangka kukuh mencerminkan permintaan yang lebih tinggi bagi kapas dan gula dari China serta manfaat daripada daya saing barangan secara keseluruhan disebabkan oleh pelaksanaan GST. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka mengalami kelembapan disebabkan oleh hujan monsun yang sangat lebat pada Ogos 2018 di Kerala yang membanjiri lebih daripada 56,000 hektar tanah pertanian.

Pertumbuhan ekonomi India pada 2019 dijangka kekal 7.4% (2018: 7.3%) disumbangkan oleh permintaan domestik yang kukuh dan pelaburan yang lebih tinggi. Masih terdapat risiko ke bawah kepada pertumbuhan ekonomi India, termasuk kekurangan hasil cukai disebabkan oleh masalah pelaksanaan GST yang berterusan dan kelewatan dalam menangani masalah penyataimbangan sektor korporat dan bank

sektor awam. Selain itu, ketidakpastian daripada pelaksanaan dasar pembaharuan struktur seperti *Insolvency and Bankruptcy Code* dan peraturan baharu berkenaan peningkatan had FDI dalam subsektor insurans, hartanah dan pertahanan boleh menjejaskan sentimen perniagaan. Harga minyak yang lebih tinggi dan syarat kewangan yang lebih ketat juga akan memperlambatkan kadar pertumbuhan.

Ekonomi ASEAN mencatat pertumbuhan kukuh pada separuh pertama 2018 disokong oleh permintaan domestik yang mantap dan eksport yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga komoditi. Secara keseluruhan, ekonomi ASEAN dijangka berkembang 5.2% pada 2018 disokong oleh aktiviti perdagangan yang meningkat dan pelaburan kukuh terutamanya dalam infrastruktur awam. Pada 2019, pertumbuhan ekonomi rantau ini dijangka kekal stabil 5.2% (2018: 5.2%) didorong penggunaan swasta, pelaburan dan eksport. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan ekonomi rantau ini berhadapan dengan risiko akibat ketegangan perdagangan yang meningkat, dasar monetari negara maju yang semakin ketat dan harga bahan api yang lebih tinggi.

KDNK Indonesia meningkat 5.2% pada separuh pertama 2018 didorong permintaan domestik yang lebih baik. Penggunaan isi rumah kekal 5% disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi pelbagai barangan terutamanya makanan, pakaian, kasut dan pengangkutan sempena sambutan Ramadan dan Aidilfitri. Perbelanjaan kerajaan melonjak 4% terutamanya untuk penganjuran Sukan Asia 2018 Jakarta Palembang pada bulan Ogos. Selain itu, eksport meningkat 6.9% disumbangkan oleh aktiviti perdagangan global yang menggalakkan dan kenaikan harga komoditi. Inflasi mencatat 3.3% berikutan harga makanan yang lebih rendah.

Secara keseluruhan, ekonomi Indonesia diunjur berkembang antara 5.1% dan 5.5% pada 2018 disokong oleh pelaburan dan eksport yang lebih tinggi. Perbelanjaan kerajaan dijangka meningkat berikutan pelaburan yang lebih tinggi dalam infrastruktur, terutamanya bagi projek berkaitan tenaga dan pengangkutan. Penggunaan swasta dijangka kekal stabil disokong oleh keyakinan pengguna yang lebih tinggi dan pemberian bukan tunai yang meningkat kepada isi

rumah berpendapatan rendah. Inflasi dijangka mencatat 3.5% disebabkan oleh langkah yang diambil untuk mengawal harga makanan. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 5.1% dengan pewujudan pekerjaan dalam sektor pembinaan.

Ekonomi Indonesia dijangka berkembang antara 5.4% dan 5.8% pada 2019 (2018: 5.1% – 5.5%) disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi dan eksport yang lebih kukuh. Pelaburan dijangka meningkat berikutan pemberian pelbagai insentif fiskal bagi aktiviti pembinaan. Selain itu, pembaharuan struktur oleh kerajaan yang menumpukan aspek sosial dan perniagaan dijangka terus menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran boleh memberi kesan kepada ekonomi termasuk kurangan hasil cukai, pembiayaan fiskal yang lebih besar disebabkan oleh kadar faedah yang lebih tinggi, ketidakpastian situasi politik berikutan pilihan raya Presiden pada 2019, bencana alam dan pertikaian sempadan maritim. Bank Indonesia dijangka mengetatkan dasar kewangan bagi menstabilkan rupiah. Inflasi dijangka mencatat antara 2.5% dan 4.5% (2018: 3.5%).

Dalam tempoh separuh pertama 2018, ekonomi Thailand berkembang 4.8% dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor bukan pertanian. Pertumbuhan sektor bukan pertanian terutamanya disumbangkan oleh subsektor hotel dan restoran yang meningkat 11.1% serta subsektor pembuatan 3.5%. Inflasi mencatat 1% disebabkan oleh kenaikan harga elektrik, minyak dan air manakala kadar pengangguran lebih rendah pada 1.1%.

Pada 2018, ekonomi Thailand diunjur berkembang 4.4% dipacu oleh penggunaan dan eksport yang kukuh. Penggunaan swasta dijangka lebih tinggi didorong oleh keadaan pendapatan yang baik berikutan pasaran buruh yang kukuh terutamanya dalam subsektor pembinaan dan perkhidmatan. Penggunaan awam juga dijangka meningkat berikutan pilihan raya umum yang dijadualkan pada 2019. Eksport dijangka meningkat berikutan permintaan yang tinggi untuk automotif dan barangan elektronik terutamanya dari China, AS dan Jepun. Pertumbuhan ekonomi dijangka dirangsang oleh subsektor pelancongan yang kukuh berikutan pengenalan laluan

penerbangan antarabangsa baharu dan peningkatan penerbangan antarabangsa jarak dekat oleh syarikat penerbangan kos rendah. Inflasi dijangka mencatat 1.1% disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan minuman bukan beralkohol manakala kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 0.7%.

Pertumbuhan KDNK Thailand diunjur menyederhana 4.2% pada 2019 (2018: 4.4%) disokong oleh subsektor pelancongan yang kukuh. Keuntungan subsektor pelancongan dijangka meningkat 10% kepada sekitar USD103 bilion. Dari segi permintaan, pelaburan awam dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Peningkatan pelaburan awam ini disokong oleh pelaburan yang berterusan dalam infrastruktur, terutamanya dalam pembangunan Koridor Ekonomi Timur (EEC) dengan anggaran kos USD43 bilion bagi tempoh lima tahun (2017 – 2021). Inflasi dijangka mencatat 1.2% (2018: 1.1%) manakala kadar pengangguran diunjur kekal 0.7% (2018: 0.7%). Ketidakstabilan politik yang mungkin menyebabkan penarikan balik modal oleh pelabur asing kekal sebagai salah satu risiko utama negara.

Dalam tempoh separuh pertama 2018, KDNK Singapura berkembang 4.2% dipacu oleh sektor barangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan dalam sektor barangan terutamanya disumbangkan oleh subsektor pembuatan yang meningkat 10.5% berikutan pengeluaran yang lebih tinggi daripada kluster elektronik, bioperubatan dan kejuruteraan pengangkutan. Sektor perkhidmatan meningkat 3.4% terutamanya disumbangkan oleh kenaikan dalam subsektor kewangan dan insurans; maklumat dan komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, inflasi merekodkan 0.3% berikutan penurunan harga makanan tidak dimasak. Kadar pengangguran bertambah baik pada 2.1% disumbangkan oleh peningkatan pekerjaan dalam subsektor pembinaan dan pembuatan.

Pada 2018, ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 2.5% dan 3.5% disokong oleh sektor barangan dan perkhidmatan. Sektor barangan dijangka berkembang disumbangkan oleh subsektor pembuatan terutamanya kluster kejuruteraan pengangkutan; produk kejuruteraan ketepatan; dan elektronik. Selain

itu, pertumbuhan dijangka disokong oleh sektor perkhidmatan terutamanya subsektor kewangan dan insurans; perdagangan borong dan runcit; dan pengangkutan dan penyimpanan. Inflasi dijangka mencatat 1% terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan sewa rumah. Kadar pengangguran dijangka lebih rendah pada 2% disokong oleh penambahan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan terutamanya bagi subsektor maklumat dan komunikasi.

Pada 2019, KDNK Singapura dijangka berkembang 2.7% (2018: 2.5% – 3.5%) disokong oleh sektor perkhidmatan terutamanya subsektor kewangan dan insurans; pengangkutan dan penyimpanan; maklumat dan komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit. Inflasi dijangka meningkat kepada 1.3% (2018: 1%) berikutan harga makanan yang lebih tinggi manakala kadar pengangguran dijangka mencatat 1.9% (2018: 2%). Pertumbuhan mungkin perlahan disebabkan oleh kenaikan kos buruh yang mendadak dan dasar imigresen lebih ketat yang mungkin menjejaskan pelaburan dalam beberapa sektor.

Ekonomi Filipina berkembang 6.3% pada separuh pertama 2018, terutamanya disokong oleh sektor perkhidmatan dan industri. Sektor perkhidmatan meningkat 6.7% dipacu oleh subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi yang berkembang 6.4% serta subsektor pengantaraan kewangan 8.3%. Pertumbuhan sektor industri lebih tinggi 7% disokong oleh peningkatan ketara dalam subsektor pembinaan 11.5% dan subsektor bekalan elektrik, gas dan air 5%. Inflasi merekodkan 4.3% berikutan kenaikan harga beras, barangan mudah rosak dan gas petroleum cecair. Kadar pengangguran bertambah baik pada 5.4% berikutan pewujudan pekerjaan dalam subsektor pembinaan, sebahagiannya disokong oleh program *Build, Build, Build*.

Pada 2018, ekonomi Filipina diunjur berkembang 6.7% didorong oleh penggunaan dan pelaburan yang kukuh. Penggunaan swasta dijangka bertambah baik berikutan siling pengecualian cukai yang lebih tinggi di bawah *Tax Reform for Acceleration and Inclusion Act*, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Selain itu, perbelanjaan awam dijangka berkembang berikutan rancangan kerajaan untuk membelanjakan sekitar

USD150 bilion bagi projek infrastruktur dari 2017 hingga 2022, selaras dengan program *Build, Build, Build*. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik pada 5.5%. Sementara itu, inflasi dijangka mencatat 4.9% berikutan kenaikan harga utiliti, tembakau dan minyak.

Pertumbuhan ekonomi Filipina dijangka meningkat 6.8% pada 2019 (2018: 6.7%) berikutan penggunaan dan pelaburan awam yang dijangka berkembang walaupun persekitaran global semakin tidak menentu. Penggunaan awam dijangka meningkat disebabkan oleh

perbelanjaan lebih tinggi untuk pilihan raya umum pada Mei 2019. Pelaburan diunjur berkembang berikutan aktiviti pembinaan yang sedang dalam pelaksanaan. Inflasi dijangka mencatat 3.7% (2018: 4.9%) disebabkan oleh harga makanan yang lebih rendah terutamanya beras. Walau bagaimanapun, sekatan kuantitatif yang melibatkan tarif dan penyahkawalseliaan import beras di bawah cadangan reformasi dalam industri beras mungkin menjadi risiko ke bawah kepada ekonomi. Kadar pengangguran dijangka kekal 5.5% (2018: 5.5%).

Sisipan 2.1

Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025: Isu, Cabaran dan Peluang

Pengenalan

Pada 2007, pemimpin ASEAN telah menerima pakai Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 untuk menubuhkan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community – AEC*) 2015. Penubuhan AEC adalah bertujuan mempromosikan pasaran dan pusat pengeluaran yang tunggal, mewujudkan rantau ekonomi yang berdaya saing, membangunkan ekonomi yang saksama dan mengintegrasikan ASEAN ke dalam ekonomi global. Matlamat AEC 2015 dicapai terutamanya melalui penghapusan tarif serta pengurangan halangan bukan tarif dan kos pentadbiran untuk memudahkan aliran bebas barangan, perkhidmatan, modal dan pekerja mahir dalam kalangan negara anggota ASEAN (*ASEAN Member States – AMS*). AEC menawarkan pasaran berskala besar untuk menarik pelabur asing ke rantau ini dan menggalakkan syarikat/peniaga ASEAN menyertai rantaian nilai global yang berdaya saing dan bersepadu.

Rangka Tindakan AEC 2025 melakarkan lanskap integrasi ekonomi rantau ini untuk dekad akan datang di samping mengekalkan visi utama AEC 2015. Rangka Tindakan ini menekankan penggunaan sains dan teknologi, pembangunan sumber manusia dan peningkatan tadbir urus yang baik serta menggalakkan kesalinghubungan. Kedua-dua Rangka Tindakan tersebut telah menggariskan ciri dan elemen utama seperti di Jadual 2.1.1.

Jadual 2.1.1. Ciri dan Elemen Utama Rangka Tindakan AEC 2015 dan AEC 2025

Rangka Tindakan AEC 2015	Rangka Tindakan AEC 2025
I. Pasaran dan Pusat Pengeluaran Tunggal <ul style="list-style-type: none"> ▪ Aliran bebas barangan ▪ Aliran bebas perkhidmatan ▪ Aliran bebas pelaburan ▪ Aliran bebas modal ▪ Aliran bebas pekerja mahir ▪ Integrasi Sektor Keutamaan ▪ Makanan, pertanian dan perhutanan 	I. Ekonomi Lebih Padu dan Bersepadu <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perdagangan barangan ▪ Perdagangan perkhidmatan ▪ Persekitaran pelaburan ▪ Integrasi, keterangkuman dan kestabilan kewangan ▪ Memudahkan pergerakan pekerja mahir dan peniaga dari luar negara ▪ Meningkatkan penyertaan dalam rantaian nilai global

Rangka Tindakan AEC 2015	Rangka Tindakan AEC 2025
<p>II. Rantau Ekonomi Berdaya Saing</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dasar persaingan ▪ Perlindungan pengguna ▪ Hak harta intelek ▪ Pembangunan infrastruktur (termasuk pengangkutan dan ICT) ▪ Percukaian ▪ e-dagang 	<p>II. ASEAN Berdaya Saing, Inovatif dan Dinamik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dasar persaingan yang efektif ▪ Perlindungan pengguna ▪ Mengeratkan kerjasama dalam hak harta intelek ▪ Pembangunan infrastruktur (termasuk pengangkutan dan ICT) ▪ Kerjasama percukaian ▪ Pembangunan ekonomi yang mampan
<p>III. Pembangunan Kesaksamaan Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembangunan PKS ▪ Inisiatif untuk Integrasi ASEAN 	<p>III. Kesalinghubungan dan Kerjasama Sektoral Diperkukuh</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengangkutan ▪ ICT ▪ e-dagang ▪ Tenaga ▪ Makanan, pertanian dan perhutanan ▪ Pelancongan, penjagaan kesihatan, mineral serta sains dan teknologi
<p>IV. Integrasi dalam Ekonomi Global</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pendekatan koheren terhadap hubungan ekonomi luar ▪ Peningkatan penyertaan dalam jaringan penawaran global 	<p>IV. ASEAN Berdaya Tahan, Terangkum, Berorientasi dan Berpaksikan Rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memperkukuh peranan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) ▪ Merapatkan jurang pembangunan (termasuk Inisiatif untuk Integrasi ASEAN) ▪ Memperkukuh peranan sektor swasta ▪ Kerjasama awam swasta ▪ Sumbangan pihak berkepentingan dalam hartanah dan infrastruktur
	<p>V. ASEAN Global</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Meliputi Perjanjian Perdagangan Bebas antara ASEAN dan Rakan Dagangan (ASEAN+1 FTA) dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)

Sumber: Dr. Sanchita Basu Das. (2016). *Huge challenges await AEC 2025*.

Bagi melengkapkan Rangka Tindakan AEC 2025, Pelan Tindakan Strategik Disatukan AEC 2025 (*Consolidated Strategic Action Plan – CSAP*) 2016 – 2025 telah disediakan sebagai rujukan tunggal bagi pihak berkepentingan dalam melaksanakan Rangka Tindakan AEC tersebut. Pelan Tindakan ini merangkumi tindakan utama disatukan daripada kesemua 23 Pelan Kerja Sektoral AEC antara lain Pelan Tindakan Strategik 2016 – 2025 bagi Integrasi Kewangan, Kerjasama Percukaian ASEAN dan Pelan Tindakan Strategik Fasilitasi Perdagangan AEC 2025.

Merealisasi AEC 2025 melalui Integrasi Sektor Kewangan

Integrasi ekonomi serantau adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam persekitaran domestik dan luaran yang sentiasa berubah. Sektor kewangan memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi mampan dan inklusif. Oleh itu, Pelan Tindakan

Strategik 2016 – 2025 bagi Integrasi Kewangan telah dibangunkan dengan tiga objektif strategik iaitu integrasi, keterangkuman dan kestabilan kewangan; dan tiga bidang saling berkait iaitu liberalisasi akaun modal, sistem pembayaran dan penyelesaian serta bina upaya.

Integrasi kewangan memainkan peranan penting dalam mempercepat pertumbuhan ekonomi di ASEAN melalui pewujudan infrastruktur kewangan am untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Dalam konteks ini, AMS perlu terus bekerjasama dengan meningkatkan peranan bank tempatan ASEAN di samping mempunyai sektor insurans yang lebih bersepadu dan pasaran modal yang saling berhubung. Integrasi ini akan disokong oleh infrastruktur pasaran kewangan yang saling berhubung, cekap kos dan selamat.

Keterangkuman kewangan mempercepat integrasi kewangan dan menyokong pertumbuhan inklusif dengan mensasarkan isi rumah yang miskin dan tiada kemudahan perbankan serta PMKS yang kurang mendapat kemudahan kewangan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan. Peningkatan kesedaran dan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan seperti insurans, simpanan dan kemudahan kredit membolehkan isi rumah menguntukkan lebih kewangan dalam pendidikan dan kemahiran serta meningkatkan mutu kesihatan. Selain itu, PMKS mampu beralih daripada perkhidmatan kewangan yang tidak formal kepada formal bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Kestabilan kewangan boleh dikekalkan melalui pengukuhan infrastruktur serantau secara berterusan untuk mengurangkan impak daripada volatiliti ekonomi luaran. Antara langkah untuk memastikan kestabilan kewangan ialah mempergiat pemantauan makroekonomi dan kewangan sedia ada dengan mengenal pasti risiko serta kelemahan sistem kewangan. Selain itu, peraturan berhemat sewajarnya lebih padu bagi tujuan mencapai peraturan yang lebih selari dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa.

Isu dan Cabaran

Berdasarkan cabaran global semasa, pasaran kewangan yang saling bergantung hasil daripada integrasi ekonomi yang lebih mendalam dan padu boleh meningkatkan risiko penularan krisis kewangan di rantau ini. Oleh itu, AMS perlu mengambil langkah bersesuaian sebagai pelengkap bagi liberalisasi dan integrasi pasaran kewangan masing-masing. Langkah ini termasuk usaha membina keupayaan yang diperlukan dan mewujudkan dasar makroekonomi yang mantap serta konsisten bagi meminimumkan kesan risiko penularan krisis kewangan. Faktor lain yang mungkin melemahkan integrasi ekonomi ASEAN termasuk ketegangan perdagangan global, pertumbuhan ekonomi China yang semakin perlahan serta normalisasi kadar faedah.

Dasar perlindungan perdagangan melalui halangan perdagangan untuk melindungi pasaran domestik sesebuah ekonomi boleh menggugat integrasi ekonomi serantau dan menjejaskan perdagangan. Sebagai contoh, pengenaan tarif import sebanyak 25% ke atas barangan keluli dan 10% ke atas barangan aluminium oleh AS berkuat kuasa 23 Mac 2018, mengakibatkan ketegangan perdagangan antara negara tersebut dan rakan dagangannya. Walaupun AS secara relatif kekal sebagai pasaran yang kecil bagi ASEAN, namun pasaran tersebut semakin berkembang bagi eksport barangan keluli dan aluminium ASEAN. Dasar perlindungan perdagangan AS akan kekal sebagai risiko kepada pertumbuhan ekonomi dan integrasi serantau dalam jangka masa panjang.

China kekal sebagai rakan dagangan terbesar ASEAN selama sembilan tahun dengan nilai dagangan berjumlah USD514.8 bilion pada 2017. Ketegangan perdagangan yang kian meningkat antara AS dan China dijangka memberi impak lebih besar terhadap perdagangan dan ekonomi ASEAN. Keadaan ini disebabkan oleh kedudukan ASEAN dalam rantaian nilai global bersepadu.

Kebanyakan bank pusat utama negara maju sedang melaksanakan langkah normalisasi dasar monetari secara beransur-ansur untuk mencapai pertumbuhan ekonomi lebih kukuh, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan sasaran kadar inflasi. Misalnya, Rizab Persekutuan AS telah menaikkan kadar dana persekutuan beberapa kali pada 2018 dan kenaikan dijangka berterusan sehingga sasaran inflasi 2% dicapai. Pelarasan dasar monetari oleh ekonomi maju

boleh menyebabkan peralihan aliran modal dan pergerakan mata wang berikutan syarat kewangan global yang semakin ketat. Pelarasan ini akan memberi kesan negatif terhadap penyataimbangan bank pusat AMS.

Peluang

Meskipun ASEAN menghadapi pelbagai cabaran di samping perbezaan sistem politik dan tahap pembangunan ekonomi dalam kalangan AMS, AEC menyediakan peluang yang luas kepada rantau ini. Sehubungan itu, Rangka Tindakan AEC 2025 dijadikan panduan untuk mentransformasi ASEAN sebagai sebuah rantau perdagangan berprestasi tinggi dan destinasi pelaburan yang menarik dengan memberi tumpuan kepada faedah integrasi sektor kewangan seperti berikut:

- (i) aliran bebas perdagangan perkhidmatan membolehkan pembekal ASEAN menyediakan rangkaian perkhidmatan kewangan yang meluas kepada lebih ramai pengguna dan menggalakkan penubuhan syarikat rentas sempadan di rantau ini, tertakluk kepada peraturan domestik;
- (ii) aliran modal yang lebih bebas membolehkan ejen ekonomi di negara anggota untuk melabur atau meminjam dana dengan lebih mudah, tertakluk kepada peraturan berhemat;
- (iii) pasaran modal bersepadu di ASEAN menyediakan akses pasaran modal yang lebih luas dengan kos transaksi lebih rendah kepada para pelabur; dan
- (iv) pengharmonian sistem pembayaran dan penyelesaian ASEAN membolehkan perniagaan dan individu membayar atau menerima bayaran secara elektronik dengan lebih mudah serta selamat.

Integrasi ekonomi serantau telah memberi banyak manfaat kepada ASEAN. Manfaat ini dapat dilihat dari segi pertumbuhan ekonomi yang stabil dan perdagangan barangan dan perkhidmatan serta aliran masuk FDI yang semakin baik ke rantau ASEAN seperti di Jadual 2.1.2.

Jadual 2.1.2. Penunjuk Utama Makroekonomi Terpilih bagi ASEAN 2010 – 2017

Penunjuk	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Pertumbuhan KDNK Benar (%)	7.5	5.0	6.2	5.2	4.7	4.8	4.8	5.3
Jumlah Aliran Masuk FDI (USD bilion)	108	88	117	122	130	122	123	137
Intra-ASEAN (%)	15.1	18.0	20.1	15.2	17.1	17.1	21.0	19.4
Extra-ASEAN (%)	84.9	82.0	79.9	84.8	82.9	82.9	79.0	80.6
Jumlah Perdagangan Barangan (USD bilion)	2,001	2,398	2,480	2,533	2,535	2,273	2,237	2,575
Intra-ASEAN (%)	25.1	24.3	24.4	24.4	24.0	23.2	23.1	22.9
Extra-ASEAN (%)	74.9	75.7	75.6	75.6	76.0	76.8	76.9	77.1
Jumlah Perdagangan Perkhidmatan (USD bilion)	440	519	569	623	658	651	663	703
Jumlah Eksport (USD bilion)	214	254	279	307	322	324	337	361
Jumlah Import (USD bilion)	226	265	289	316	336	327	325	343

Sumber: Pangkalan data ASEAN Secretariat (September 2018).

Kesimpulan

Integrasi ekonomi ASEAN dapat direalisasikan menerusi usaha bersepadu antara AMS. Sehubungan itu, AMS perlu meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan mengenai langkah AEC, mengukuhkan industri domestik bagi membolehkan penyertaan dalam rantaian nilai global, mengutamakan penambahbaikan infrastruktur serantau serta menambah peruntukan kewangan dan sumber manusia ke arah integrasi ekonomi serantau. Oleh itu, pihak berkepentingan perlu mengukuhkan kerjasama dalam mengatasi cabaran demi menjayakan AEC 2025.

Kesimpulan

Ekonomi global dijangka berkembang sederhana disokong oleh permintaan domestik yang kukuh oleh EMDE terutamanya China, India, Indonesia dan Filipina. Sebaliknya, pertumbuhan negara maju dijangka mencatat penurunan disebabkan oleh penggunaan swasta yang lebih rendah berikutan normalisasi kadar faedah dan rangsangan fiskal yang berkurangan. Risiko cenderung ke bawah dan pertumbuhan masih terdedah kepada perubahan dasar perdagangan, fiskal dan monetari, keadaan kewangan global dan kestabilan geopolitik. Ketegangan perdagangan dijangka memuncak dengan langkah perlindungan tambahan dan tindak balas yang mungkin diambil oleh AS dan rakan dagangan utama termasuk meluaskan senarai barangan yang akan dikenakan kenaikan tarif. Kemerosotan keadaan kewangan global

berikutan hutang korporat yang semakin meningkat akan menjejaskan pelaburan. Ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang pesat disebabkan oleh mata wang yang semakin lemah dan hutang dalam denominasi dolar seperti di Turki dan Argentina mungkin menyebabkan trend pertumbuhan semakin menurun. Kebergantungan negara maju kepada dasar makroekonomi yang terlalu menyokong ekonomi negara tersebut dijangka menjejaskan pertumbuhan global yang mampan. Sebagai contoh, rangsangan fiskal di AS akan menyebabkan kenaikan kadar faedah dengan lebih cepat dari jangkaan yang mungkin mengurangkan aliran modal ke negara Asia yang membangun. Seterusnya, kebimbangan geopolitik yang berpanjangan di Timur Tengah dan kemungkinan lebih banyak negara keluar dari kawasan euro kekal sebagai risiko.

Rujukan

- AMRO. (2018). *China Watch – Pressures are Building*. Dicapai daripada <https://insights.abnamro.nl/en/2018/08/china-watch-pressures-are-building/>
- ASEAN Secretariat. (2018). Dicapai daripada <https://data.aseanstats.org/sits-by-reporters-and-services>
- Australia Bureau of Statistics. (2018). *Australian National Accounts: National Income, Expenditure and Product (5206.0)*. Dicapai daripada <http://www.abs.gov.au/ausstats/abs@.nsf/mf/5206.0?opendocument&ref=HPKI>
- Australia Bureau of Statistics. (2018). *Consumer Price Index, Australia (6401.0)*. Dicapai daripada <http://www.abs.gov.au/AUSSTATS/abs@.nsf/mf/6401.0?opendocument&ref=HPKI>
- Australia Bureau of Statistics. (2018). *Labour Force, Australia (6202.0)*. Dicapai daripada <http://www.abs.gov.au/ausstats/abs@.nsf/mf/6202.0?opendocument&ref=HPKI>
- Bank Dunia. (2018). *Global Economic Prospects, June 2018: The Turning of the Tide?* Dicapai daripada file:///C:/Users/ITDuser/Downloads/9781464812576.pdf
- Bank Dunia. (2018). *Philippines Growth to Remain Strong Despite Global Uncertainty*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2018/07/13/philippines-growth-to-remain-strong-despite-global-uncertainty>
- Bank Dunia. (2018). *Press Release, 5 June 2018: Global Economy to Expand by 3.1 percent in 2018, Slower Growth Seen Ahead*. Dicapai daripada <http://www.worldbank.org/en/news/press-release/2018/06/05/global-economy-to-expand-by-3-1-percent-in-2018-slower-growth-seen-ahead>
- Bank of England. (2018). *Monetary Policy Summary and minutes of the Monetary Policy Committee meeting ending on 12 September 2018*. Dicapai daripada <https://www.bankofengland.co.uk/-/media/boe/files/monetary-policy-summary-and-minutes/2018/september-2018.pdf>
- Bank Indonesia. (2018). *Inflation Report*. Dicapai daripada <https://www.bi.go.id/en/moneter/inflasi/data/Default.aspx>
- Bank of Japan. (2018). *Outlook for Economic Activity and Prices*. Dicapai daripada <https://www.boj.or.jp/en/mopo/outlook/gor1807b.pdf>
- Bank of Korea. (2018). *Real Gross Domestic Product: 2nd Quarter of 2018 (Advance Estimate)*. Dicapai daripada <http://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?nttId=10046199&menuNo=400069&pageIndex=2>
- Bank of Thailand. (2018). *Inflation*. Dicapai daripada <https://www2.bot.or.th/statistics/ReportPage.aspx?reportID=409&language=eng>
- Bureau of Economic Analysis, Washington: US Department of Commerce. (2018). *News Release, 27 September 2018: Gross Domestic Product: Second Quarter 2018 (Third Estimates)*. Dicapai daripada <https://www.bea.gov>
- Bureau of Labor Statistics, Washington: US Department of Labor. (2018). *Press Release, 5 October 2018: The Employment Situation – September 2018*. Dicapai daripada <http://www.bls.gov>
- Cabinet Office, Government of Japan. (2018). *Quarterly Estimates of GDP*. Dicapai daripada http://www.esri.cao.go.jp/en/sna/sokuhou/sokuhou_top.html
- Central Bank of Philippines. (2018). *Inflation*. Dicapai daripada http://www.bsp.gov.ph/publications/regular_inflation.asp
- Deloitte. (2018). *South Korea: Economy Showing Signs of Resilience*. Dicapai daripada <https://www2.deloitte.com/insights/us/en/economy/asia-pacific/south-korea-economic-outlook.html>
- Department of Statistic, Singapore. (2018). *Data and News*. Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/>
- Department of Statistic, Singapore, Consumer Price Index. (2018). *CPI for August 2018*. Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/publications/economy/cpiaug18.pdf>
- Destatis (Germany Federal Statistical Office). (2018). *Fact and figures*. Dicapai daripada <https://www.destatis.de/EN/Homepage.html>

- Dr. Sanchita Basu Das. (2016). *Huge challenges await AEC 2025*. Dicapai daripada https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/ISEAS_Perspective_2016_48.pdf
- Economist Intelligence Unit. (2018). *Germany*. Dicapai daripada http://viewswire.eiu.com/index.asp?layout=VWCountryVW3®ion_id=&country_id=1360000136
- European Central Bank (ECB). (2018). *Monetary Policy Decisions*. Dicapai daripada <https://www.ecb.europa.eu/press/pr/date/2018/html/ecb.mp180913.en.html>
- European Commission. (2018). *Eurostat – Your key to European Statistics*. Dicapai daripada <https://ec.europa.eu/eurostat/news/news-releases>
- Federal Open Market Committee, Washington: Board of Governors of the Federal Reserve System. (2018). *Press Release 26 September 2018, Federal Reserves (September 2018)*. Dicapai daripada <https://www.federalreserve.gov>
- Focus Economics. (2018). *Germany*. Dicapai daripada <https://www.focus-economics.com/countries/germany>
- Germany Federal Ministry of Finance. (2018). *Monthly reports*. Dicapai daripada <https://www.bundesfinanzministerium.de/Web/EN/Home/home.html;jsessionid=5CA8B30881FF619745EA007E47F4DA19>
- HM Treasury. (2018). *Spring Statement 2018: what you need to know*. Dicapai daripada <https://www.gov.uk/government/news/spring-statement-2018-what-you-need-to-know>
- IMF Staff Country Report. (2017). *Indonesia: 2017 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/media/Files/Publications/CR/2018/cr1832.ashx>
- IMF Staff Country Report. (2018). *Singapore: 2018 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2018/07/27/Singapore-2018-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-46131>
- Ministry of Commerce and Industry, Office of the Economic Adviser. (2018). *Wholesale Price Index Press Release Archive*. Dicapai daripada http://eaindustry.nic.in/wpi_press_release_archive.asp
- Ministry of Statistics and Programme Implementation. (2018). *Press Note on Estimates of Gross Domestic Product for the First Quarter (April – June) 2018-2019*. Dicapai daripada http://www.mospi.gov.in/sites/default/files/press_release/PR_GDP_Q1_31aug18.pdf
- Ministry of Statistics and Programme Implementation, Central Statistics Office. (2018). *Press Release – Quick Estimates of Index of Industrial Production and Use-Based Index*. Dicapai daripada http://www.mospi.gov.in/sites/default/files/press_release/iip_PR_12mar18.pdf
- Ministry of Trade and Industry Singapore GDP. (2018). *MTI 2018 GDP Growth Forecast*. Dicapai daripada <https://www.mti.gov.sg/NewsRoom/Pages/MTI-Maintains-2018-GDP-Growth-Forecast-at-2.5-to-3.5-Per-Cent.aspx>
- MUFG Bank Ltd. (2018). *The Outlook for the Japanese Economy*. Dicapai daripada http://www.bk.mufg.jp/report/eco jap2018e/outlook_japan20180531e.pdf
- National Bureau of Statistics. (2018). *Preliminary Accounting Results of GDP for the First Quarter of 2018*. Dicapai daripada http://www.stats.gov.cn/english/pressrelease/201804/t20180419_1595000.html
- National Institute of Statistics and Economic Studies (INSEE). (2018). *Statistics*. Dicapai daripada <https://www.insee.fr/en/statistiques?theme=27>
- Office for Budget Responsibility. (2018). *Office for Budget Responsibility: Economic and fiscal outlook*. Dicapai daripada https://cdn.obr.uk/EFO-MarCh_2018.pdf
- Office for National Statistics. (2018). *GDP quarterly national accounts, UK: April to June 2018*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/economy/grossdomesticproductgdp/bulletins/quarterlynationalaccounts/apriltojune2018>
- Office of the National Economic and Social Development Board, Philippines. (2018). *GDP & Components*. Dicapai daripada http://www.nesdb.go.th/nesdb_en/more_news.php

- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2018). *Developments in Individual OECD and Selected Non-Member Countries - Korea*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/eco/outlook/economic-forecast-summary-korea-oecd-economic-outlook.pdf>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2018). *OECD Economic Outlook and Interim Economic Outlook, 20 September 2018: High Uncertainty Weighing On Global Growth*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/eco/outlook/High-uncertainty-weighing-on-global-growth-OECD-interim-economic-outlook-handout-20-September-2018.pdf>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2018). *United Kingdom - Economic forecast summary (May 2018)*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/eco/outlook/united-kingdom-economic-forecast-summary.htm>
- Philippines Statistics Authority. (2018). *PSA Calendar of Press Release for 2018*. Dicapai daripada <http://psa.gov.ph/content/psa-calendar-press-release-2018>
- Reserve Bank of Australia. (2018). *Statement on Monetary Policy*. Dicapai daripada <https://www.rba.gov.au/publications/smp/2018/aug/economic-outlook.html>
- Reserve Bank of India. (2018). *Minutes of the Monetary Policy Committee Meeting June 4-6, 2018 [Under Section 45ZL of the Reserve Bank of India Act, 1934]*. Dicapai daripada <https://rbidocs.rbi.org.in/rdocs/PressRelease/PDFs/R3320556E3589C58C4978B8E24686472796DD.PDF>
- Statistics Indonesia. (2018). *Data and News*. Dicapai daripada <https://www.bps.go.id/>
- Statistics Japan. (2018). *Labour Force Survey: Statistical Figures*. Dicapai daripada <http://www.stat.go.jp/english/data/roudou/lnindex.html>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2018). *World Economic Outlook, October 2018: Challenges to Steady Growth*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2018/09/24/world-economic-outlook-october-2018>
- The Star (2018). *Thai central bank raises GDP growth forecast to 4.4%*. Dicapai daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/06/21/thai-central-bank-raises-gdp-growth-forecast-to-44/>
- Trading Economics. (2018). *Indicators*. Dicapai daripada <https://tradingeconomics.com/germany/indicators>
- Trading Economics. (2018). *Thailand GDP Growth Rate*. Dicapai daripada <https://tradingeconomics.com/Thailand/gdp-growth>
- World Trade Organisation. (2018). *Trade Statistics and Outlook Press Release, 27 September 2018: WTO Downgrades Outlook for Global Trade As Risks Accumulate*. Dicapai daripada https://www.wto.org/english/news_e/pres18_e/pr822_e.htm